

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 1/2006**

---

---

Tarikh : 12 April 2006  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

***Yang Hadir***

Putri Saniah Megat Abd. Rahman ( <i>Pengerusi</i> )	(kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Hani Liza Norfin : UiTM	(hani@salam.uitm.edu.my)
Junaidah Abdullah (UTM)	(ja@mel.psz.utm.my)
Katrun Nada Hashim : MINT	(katrunada@mint.gov.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Lela Ruzma Mohd. Shaari (UKM)	(lela@pkrisc.cc.ukm.my)
Mazmin Mat Akhir (KUKUM)	(mazmin@kukum.edu.my)
Mohd. Idris Hj. Ali : USM	(idris@notes.usm.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Noraini Mukhtar : UIAM	(mnoraini@iiu.edu.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Sabaruddin Mamat : UMS	(sbruddin@ums.edu.my)
Shamsudin Ibrahim : UKM	(shamsudin.ibrahim@gmail.com)
Sharipah Hanom Bidin : OUM	(sharipah@oum.edu.my)
Shukra Shuib : UUM	(shukra@uum.edu.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Zaila Idris : UM ( <i>wakil</i> )	
Hafsah Mohd : UKM ( <i>Setiausaha</i> )	(hafsahm@pkrisc.cc.ukm.my)

***Tidak Hadir Dengan Kenyataan***

Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Haslinda Hj. Kassim : PNM	(bru@pnm.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohamed Zaid Mohamed Idris : UPSI	(zaididris@upsi.edu.my)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Nazatul Shima Baroji (KUKTEM)	(shima@kuktem.edu.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.2 Pengerusi memperkenalkan ahli baru En. Mohd. Idris Hj. Ali yang menggantikan Cik Rapaah sebagai wakil dari USM
- 1.3 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
  - Isu-isu semasa langganan PDK
  - Bengkel Penganalisaan Penggunaan PDK
  - Hal-hal lain

## 2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 5 /2005

Minit Mesyuarat Bil. 5/2005 disahkan tanpa pindaan.

## 3.0 SENARAI INDUK JURNAL

- 3.1 Wakil KUKTEM tidak dapat hadir dan telah mewakilkan kepada setiausaha untuk memaklumkan perkara-perkara berikut:
  - a. Perpustakaan cabang bagi setiap institusi akan diberikan ID dan password yang berbeza dari perpustakaan induk
  - b. Bebutang *back* dan pembetulan tag  *Holding* telah dilaksanakan
  - c. Tambahan tag judul dan pencarian belum dapat dilaksanakan
  - d. Bengkel SIJ telah diadakan pada 19/1/06 di KUKTEM
- 3.2 Mesyuarat mencadangkan supaya institut penyelidikan seperti FRIM, MPOB dan MARDI juga diberikan ID dan password untuk memasukkan data dalam pangkalan data SIJ.
- 3.3 Pengerusi mencadangkan supaya pangkalan data SIJ boleh diakses melalui portal PERPUN—MyUniNet. Wakil MMU memaklumkan bahawa *link* telah diadakan tetapi belum diaktifkan lagi.

### Tindakan: Wakil KUKTEM & MMU

## 4.0 ISU-ISU SEMASA LANGGANAN PDK

Makluman kepada mesyuarat oleh:

- 4.1 Wakil MMU
  - a. Lexis-Nexis—Masalah untuk memantau statistik penggunaan
  - b. LNCS—Masalah untuk akses teks penuh *backfiles*. Dalam perjanjian awal tidak dinyatakan jilid pertama hingga tahun 1996 sebagai *backfiles*. Kini pembekal hanya memberikan tempoh percubaan sehingga bulan Mei bagi *backfiles* tersebut.

- c. IOP—Masalah mengakses teks penuh arkib. Hanya boleh *download* 10 artikel sahaja pada satu masa.

#### 4.2 Wakil KUiTTHO

IOP—Harga langganan bukan harga konsortium. Ingin mendapat kepastian siapakah yang menentukan sama ada sesebuah institusi itu ahli konsortium atau tidak. KUiTTHO telah berunding dengan pembekal dan wakil Kementerian Kewangan dan berjaya mendapatkan harga langganan yang lebih murah dari harga konsortium.

#### 4.3 Wakil UIAM

- a. JK PDK perlu ada *listserv* bagi memudahkan ahli bertukar-tukar pendapat terutama berkaitan kos langganan PDK
- b. UIAM tidak lagi melanggan SpringerLink dan ABI Inform—statistik penggunaan tidak tinggi
- c. PDK Papers Invited telah diambilalih oleh CSA dan Access Dunia telah dilantik sebagai agen tunggal. Kos langganan naik sebanyak 15%
- d. PDK yang telah diperbaharui langganan sebelum bengkel perlu mendapat *prorate* sekiranya ada penurunan kos langganan.

#### 4.4 Wakil OUM

- a. Masalah untuk mendapatkan statistik penggunaan PDK ACM Digital Library dan SpringerLink. Wakil UKM memaklumkan bahawa banyak PDK yang dilanggan melalui Access Dunia tidak *counter-compliance*
- b. OUM tidak lagi melanggan IOP –statistik penggunaan tidak tinggi
- c. Lesen perjanjian seharusnya dimajukan kepada *Legal Advisor* di setiap institusi bagi melindungi hak-hak perpustakaan
- d. Mencadangkan JK PDK membuat rundingan dengan pembekal bagi menangani masalah berkaitan PDK

#### 4.5 Wakil KUKUM

- a. Konsortium di Monash Library boleh dijadikan sebagai panduan. Di perpustakaan universiti tersebut, ada *e-resources librarian*. Pustakawan masih ada hak dalam urusan langganan PDK
- b. Mencadangkan wakil bendahari dijemput sama untuk berbincang dengan pembekal semasa memajukan sebutharga

#### 4.6 Wakil KUTKM

- a. Lesen perjanjian perlu dimajukan dahulu kepada *Legal Advisor* sebelum ditandatangani
- b. Pihak bendahari perlu mendapatkan surat pengakuan agen tunggal dari pembekal untuk dimajukan kepada Kementerian Kewangan. Oleh itu perpustakaan perlu mendapatkan surat tersebut dari pembekal. Wakil UUM memaklumkan pihak perpustakaan sedang mengumpul semua surat pembuktian sebagai agen tunggal dari pembekal

4.7 Pengerusi merumuskan bahawa:

- a. Surat perjanjian akan dimajukan kepada badan konsortium sekiranya ada konsortium di Malaysia seperti mana yang dilaksanakan di Australia
- b. Perpustakaan perlu ada kuasa atau hak bersuara walaupun konsortium berjaya ditubuhkan. Analisis penggunaan PDK perlu dijalankan di setiap institusi
- c. Sesi perbincangan/forum amat penting diadakan di antara pembekal, pustakawan, wakil bendahari dan wakil Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan segala permasalahan yang ada.
- d. Bengkel penganalisaan penggunaan PDK perlu diadakan dan hasil laporan bengkel tersebut perlu dimajukan kepada pihak bendahari dan seterusnya ke pihak Kementerian Kewangan
- e. Pembekal hendaklah memajukan sebutharga PDK kepada perpustakaan, bendahari dan Kementerian Kewangan

## 5.0 BENGKEL PENGANALISAAN PENGGUNAAN PDK

5.1 Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dibentangkan dalam hal 4.1-- 4.7, maka mesyuarat bersetuju untuk mengadakan bengkel tersebut yang akan diadakan pada pertengahan bulan Jun 2006 selama 2 hari 1 malam bertempat di Port Dickson.

PDK yang akan dianalisa beserta institusi yang bertanggungjawab sebagai penyelaras adalah seperti berikut:

<b>PDK</b>		<b>Penyelaras</b>
a. ScienceDirect	--	UM
b. IEL	--	KUTKM
c. Lexis-Nexis	--	UKM
d. Emerald	--	USM
e. SpringerLink dan LNCS	--	MMU
f. ACM Digital Library dan IOP	--	KUKUM
g. Proquest ABI Inform	--	UiTM
h. Ebscohost ASP dan BSP	--	UIAM
i. Ovid Medical,	--	HUKM
j. eBooks: ebrary dan 24x7	--	OUM

**Tindakan: Wakil institusi penyelaras**

5.2 Penganalisaan keberkesanan kos secara keseluruhan akan dilaksanakan oleh wakil KUKUM, MMU, dan UNITEN. Wakil KUKUM akan mendapatkan *readymade standard* (jika ada) bagi tujuan penganalisaan tersebut.

**Tindakan: Wakil KUKUM, MMU dan UNITEN**

- 5.3 Semua institusi yang melanggan PDK yang tersenarai di atas dimohon menghantar statistik penggunaan 2005 (dari semua aspek yang ada—*per session/search/fulltext downloaded etc.*) dan kos langganan bagi setiap PDK kepada institusi yang menyelaras pada atau sebelum 21/4/06.

**Tindakan: Semua ahli JK PDK terlibat**

- 5.4 Penganalisan penggunaan PDK adalah berdasarkan:

- a. Analisa langganan (*Subscription analysis*)
- b. Isi kandungan
- c. Lesen Perjanjian
- d. Statistik Penggunaan
- e. Masalah
- f. Cadangan

- 5.5 Hal-hal lain berkaitan bengkel:

- a. Jawatankuasa kecil bengkel terdiri dari wakil UKM, MMU, HUKM, KUKUM dan UIAM.
- b. Pengerusi akan mengeluarkan surat jemputan kepada semua Ketua Pustakawan yang terlibat. Anggaran peserta bengkel adalah 40 orang
- c. Semua kos berkaitan bengkel akan ditanggung sendiri oleh setiap institusi
- d. Wakil USM mencadangkan ucapan utama oleh Pengerusi dimasukkan dalam agenda bengkel

## 6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Konsortium – COMLIB

Wakil OUM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kertas cadangan berkaitan *costing* penubuhan COMLIB masih dalam proses untuk di *finalise*.

- 6.2 Senarai terkini PDK langganan setiap institusi perlu dikemaskini. Semua institusi perlu menghantar senarai PDK yang dilanggan kepada pihak sekretariat JK PDK.

**Tindakan: Semua wakil JK PDK dan Sekretariat JK PDK**

- 6.3 Wakil UTM memaklumkan telah melanggan BSI melalui Profesional Advisory Approach (PAA) sejak tahun lalu oleh kerana kos langganan lebih rendah berbanding dengan kos yang ditawarkan oleh United Technology. Namun begitu kos konsortium yang ditawarkan oleh United Technology pada tahun ini lebih rendah dari kos yang ditawarkan oleh PAA. UTP dan UiTM melanggan BSI melalui United Technology dalam bentuk DVD.

- 6.4 3 institusi telah melanggan Web of Science: USM, UMS dan MMU. MMU juga melanggan JCR (Journal Citation Report) dalam bentuk CD-ROM

- 6.5 Pengerusi memaklumkan beliau akan bersara pada akhir bulan April dan pengganti beliau sebagai Pengerusi JK PDK akan ditetapkan oleh PERPUN. Bagi

pihak semua ahli JK PDK, Wakil KUTKM telah mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi yang telah menerajui JK PDK sejak tahun 2000.

- 6.6 Wakil Lexis-Nexis telah menerangkan beberapa isu berkaitan Lexis-Nexis. Mesyuarat bersetuju supaya:
- a. Akses melalui *ID* dan *password* diadakan untuk *remote access*. Akses melalui *IP validation* tidak perlu *ID* dan *password*.
  - b. Statistik penggunaan dikira juga mengikut bilangan teks penuh yang di *download*
  - c. *Perpetual access* dibenarkan sekiranya sesebuah institusi menghentikan langganan Lexis-Nexis

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang*  
*UKM Bangi*  
*17/04/2006*